

Rujukan Kami : (12) dlm.AUDIT/IP/BPSM/147/649/2 Jld.2

Tarikh : 02 Jun 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN:

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI JABATAN AUDIT NEGARA BAGI:

- i) JAWATAN PENOLONG JURUAUDIT GRED W6 KE GRED W7; DAN**
- ii) JAWATAN PENOLONG JURUAUDIT GRED W5 KE GRED W6**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan mengadakan urusan pemangkuan bagi jawatan-jawatan tersebut di atas. Pertimbangan bagi urusan pemangkuan jawatan tersebut di atas perlu memenuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

2.1 Pemangkuan Penolong Juruaudit Gred W6 ke Gred W7

- (i) Telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Juruaudit Gred W6 (W32) **sebelum atau pada 30.06.2014;**
- (ii) Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2022, 2023 dan 2024) **tidak kurang 85% dan markah prestasi pada tahun terakhir hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%;**
- (iii) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (iv) Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM);
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa iaitu sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun sehingga tarikh tutup iklan ini (masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan);

- (vi) Bebas dari senarai peminjaman pendidikan tegar dengan menandatangani Surat Akuan Pinjaman Pendidikan/ Tabung Pendidikan. Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat JAN Bil. 1/2020 pada 6 Januari 2020 telah memutuskan supaya **pegawai yang masih mempunyai pinjaman pendidikan dan membayar secara tunai diwajibkan membuat bayaran secara potongan gaji.** Pegawai hendaklah mengemukakan bukti bahawa tindakan awal untuk potongan gaji telah diambil dan turut mengemukakan bukti bagi bayaran tunai yang telah dilakukan secara konsisten dalam bentuk surat dari agensi pinjaman pendidikan/ slip gaji dan penyata bank;
- (vii) Manakala pegawai yang telah menyelesaikan pinjaman pendidikan, pegawai hendaklah mengemukakan bukti selesai pinjaman pendidikan; dan
- (viii) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

2.2 Pemangkuan Penolong Juruaudit Gred W5 ke Gred W6

- (i) Telah dilantik sebagai Penolong Juruaudit Gred W5 (W29) **sebelum atau pada 30.06.2013;**
- (ii) Syarat –syarat lain sama seperti di perenggan 2.1 (ii) hingga (viii) di atas.

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **melalui Ketua Jabatan** dengan menggunakan borang-borang di **Lampiran A, B, C dan D** berserta dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini** (bagi pegawai yang bertugas di Jabatan Audit Negara Negeri/Unit/Bahagian Audit Dalam di Kementerian/ Jabatan/ Audit Sekolah); dan
- (ii) Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2022, 2023 dan 2024 (bagi pegawai yang bertugas di Bahagian/Unit Audit Dalam di Kementerian/Jabatan/Audit Sekolah).

4. Memandangkan urusan pemangkuan ini adalah bagi mengisi kekosongan sedia ada di **seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak**, maka **pemohon yang bersedia untuk ditukarkan ke mana-mana penempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sahaja digalakkan untuk memohon bagi urusan pemangkuan ini.** Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini **selewat-lewatnya pada 26 Jun 2025 (Khamis)** ke alamat:

Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Audit Negara
Aras 4, Blok F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
(u.p : Seksyen Pengurusan Prestasi)

5. Sekiranya pegawai telah mencapai **tempoh perkhidmatan genap 13 tahun di gred semasa sebelum tarikh tawaran pemangkuan, pegawai layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)** berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.3.1.7. – Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana. Pegawai yang terlibat **tidak akan ditawarkan pemangkuan ke gred yang berkaitan** dan dikehendaki mengisi borang kenaikan pangkat secara TBK.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini bolehlah diajukan kepada pegawai-pegawai berikut:

(i)	Puan Norafiza binti Abu Bakar	-	03-8091 1823
(ii)	Puan Afizah binti Aziz	-	03-8091 1825
(iii)	Puan Siti Noor Suhadah binti Omar	-	03-8091 1826

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti”

Saya yang menjalankan amanah,


(SYAKURAH BINTI ABDULLAH)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Audit Negara
No. Tel: 03-8091 1522
E-mel: syakurah@audit.gov.my

s.k:

- (i) KAN
- (ii) TKAN (P)
- (iii) TKAN (K)
- (iv) TKAN (S)

EDARAN KEPADA:

1. Ketua Setiausaha Kementerian
2. Pengarah-Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi
3. Pengarah-Pengarah Audit Sektor Audit Kewangan
4. Pengarah-Pengarah Audit, Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan
5. Pengarah-Pengarah di bawah Pejabat Ketua Audit Negara
6. Pengarah Sektor Pengurusan
7. Pengarah Akademi Audit Negara
8. Pengarah- Pengarah Audit Negeri
9. Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan
10. Setiausaha Bahagian Audit Sekolah